

Qalam

Bilangan 31 Jamadil Awal 1372 – Februari 1953 60 sen

KENA PADA TEMPATNYA

Suatu berita yang patut disambut dengan gembira oleh ahli-ahli persuratan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu khasnya dan di Gugusan Pulau-pulau Melayu amnya ialah lantikan A.Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih terkenal dengan nama Za'ba menjadi seorang pensyarah yang kanan dalam Universiti Malaya bahagian Melayu. Lantikan itu beserta pula dengan lantikan Doktor Edward D. Joseline D Young.

Apabila Universiti Malaya dibuka pada beberapa tahun yang lalu maka masalah kerusi bahasa Melayu di dalam universiti itu telah berbangkit dan bagi mereka yang mengikuti keadaan-keadaan dan perjalanan bahasa Melayu mereka yakin bahawa orang Melayu yang sangat layak dan cukup berpengalaman di dalam bahasa Melayu di Semenanjung ini tidak lain ialah A. Za'ba dan sebab itu mereka berkeyakinan bahawa ialah orangnya yang tepat untuk menduduki kerusi itu dengan taraf duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan lain-lain orang dan itulah juga syarat, yang kita ketahui dikehendaki oleh A. Za'ba tatkala diminta duduk di sana kerana boleh jadi ia telah jemu semata-mata terletak di bawah "orang lain" yang sebahagiannya pula "orang lain" itu kelayakannya lebih rendah di dalam bahasa Melayu.

Tetapi ada pula sebahagian daripada "orang-orang yang masih mentah di dalam bahasa Melayu" telah membidas menyatakan bahawa A.Za'ba tidak layak menduduki kerusi itu ataupun

yang dibuat daripadanya. Kita hairan mendengar fikiran ini kerana sebenarnya bagi ahli bahasa Melayu A. Za'ba adalah diakui memang ahlinya dan pengakuan itu bukannya sahaja diberikan oleh orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu ini tetapi juga di lain-lainnya tempat terutamanya di Indonesia, yang di sana ia terkenal sebagai pujangga Melayu yang utama yang dijunjung tinggi oleh mereka itu.

Sekarang A. Za'ba yang telah berpengalaman menjadi pensyarah bahasa Melayu di dalam sekolah tinggi bahasa-bahasa Timur di London telah dilantik menjadi pensyarah di dalam Universiti Malaya dan akan menjawat jawatan itu pada bulan April hadapan sedang jawatan profesor bahasa Melayu di universiti itu belum lagi diadakan sementara ini. Yang demikian adalah menjadi suatu pertanyaan. Bagi orang-orang Melayu adakah pengalaman dan pengetahuan A. Za'ba di dalam bahasa Melayu itu tidak boleh melayakkannya menjadi profesor? Padahal kelayakan A. Za'ba di dalam bahagian ini tidak kurang daripada profesor-profesor bahasa Melayu di Indonesia yang terdiri daripada bangsa Indonesia sendiri. Yang demikian ini adalah menjadi suatu tanda tanya yang besar kepada kita iaitu adakah yang demikian itu kerana kulit padahal seorang yang seumpamanya itu tentulah ia lebih faham tentang bahasanya daripada orang lain, iaitu baik tentang penyelidikan dan pengetahuan serta petah tutur katanya? Atau adakah kerana ketiadaan sekeping kertas yang dipanggil *degree*, yang tidak dapat mengubah atau mencacat kebolehan dan kelayakan seseorang yang sememang-memangnya layak?!

Tetapi di dalam apa-apa hal pun kita wajib bersyukur atas lantikan itu kerana adalah ia menjadi salah satu yang boleh kita megahkan bahawa ada bangsa kita Melayu yang berkelayakan memegang jawatan tersebut yang boleh duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang-orang lain.

Mudah-mudahan A. Za'ba yang dikasihi akan dapat menyamai

bahasa kita itu dengan suatu binaan yang akan menghidupkan bahasa Melayu jati dengan sumber di dalam alam persuratan Melayu yang akan datang.

* * *

Insafiah

Di dalam bulan Mac yang akan datang lazimnya Jami'at al-Da'wah al-Islamiah akan mengadakan suatu mesyuarat agungnya untuk melantik jawatankuasa-jawatankuasanya bagi menjalankan kerja-kerjanya pada masa yang akan datang. Oleh kerana telah hampir masanya inilah kita mengambil peluang dengan ikhlas membawa perhatian umat Islam di Singapura kepada pertubuhan ini yang didalami beberapa masa sentiasa menjadi tumpuan teguran-teguran sama ada dari dalam atau dari luar atas kerja-kerjanya dan tanggungan-tanggungannya terhadap masyarakat Islam di Singapura ini.

Sebab-sebab yang demikian itu tidak lain ialah oleh kerana dari satu ke suatu masa orang ramai berharap bahawa Jami'at itu akan menjalankan kerja-kerja yang lebih luas dan tepat mengenai maslahat umum agama Islam oleh sebab nampaknya orang ramai hanya melihat kerja-kerja yang diusahakan olehnya hanya kerja-kerja biasa, mengadakan perayaan Maulud, mengadakan syarah sekali-sekali ke kampung-kampung, syarah di radio dan dan itulah yang tiap-tiap tahun dibacakan oleh setiausahanya di dalam mesyuarat agungnya ia telah buat ini dan buat ini padahal natijahnya kepada umat tidak dinampak oleh mereka itu bahkan orang ramai menampak sebahagian orang di dalamnya itu menggunakan nama Jami'at itu sebagai alat membuat perhubungan dengan orang-orang luar.

Kalau kita perhati asas-asas tajaan dan kehendak pertubuhan itu dibandingkan dengan namanya maka adalah kerja-kerjanya bukan sebagaimana yang ada ini – sepatutnya banyak siaran-siarannya untuk memandu umat berbalik kepada agamanya. Ada rumah miskinnya dan sebagainya, tetapi dari setahun ke setahun, kita tidak menampak satu pun perubahan-perubahan

yang di bawa oleh jawatankuasa-jawatankuasanya.

Yang demikian itu tentulah ada salahnya iaitu jentera yang menjalankannya atau lebih terang jawatankuasa-jawatankuasanya yang tidak kurang daripada 30 orang itu tidak mempunyai sedikit pun tanggungjawab kepada agamanya dan telah menerima jawatan sebagai suatu kegemaran atau kemegahan terutamanya pula di dalam permesyuaratan itu kita dengar dan kita lihat apabila melantik orang-orang yang akan bertanggungjawab di dalamnya setiasusaha memuji Yang di-Pertua tatkala melantik Yang di-Pertua dan Yang di-Pertua memuji setiasusaha dan tatkala tiba melantik setiasusaha, Yang di-Pertua memuji kerja-kerja setiasusaha dan begitu juga keadaannya tatkala melantik ahli-ahli jawatankuasa sebanyak 30 orang – dipilih lagi orang-orang yang tidak sedikit pun bertanggungjawab di dalam pekerjaan-pekerjaannya bahkan ada di antaranya yang hanya sekali datang di dalam setahun menghadiri mesyuarat jawatankuasa itu. Tetapi orang-orang yang seperti ini masih juga dilantik lagi.

Kita mengesyorkan untuk keselamatan Jami'at yang dikasihi itu bahawa pada masa yang akan datang keadaan-keadaan yang sedemikian itu hendaklah diubah mereka yang bekerja pada tahun yang lepas dengan tidak mempunyai kejayaan itu, jika ia kasih kepada Jami'at maka hendaklah semua sekali meletakkan jawatan dan member peluang kepada orang lain, member darah baharu kepada Jami'at supaya ia boleh hidup dengan sempurna dan dapat dijalankan sesuai dengan kedudukan dan keadaannya serta dengan namanya. Dengan itulah sahaja menurut pendapat kita, dapat Jami'at itu hidup semula dan diharapkan member faedah kepada orang ramai.

Yang mana yang tua-tua yang di antaranya telah menjadi ahli jawatankuasa Jami'at itu dari semenjak ditubuhkan hingga sekarang diminta member peluang kepada orang lain duduk di dalamnya kerana yang demikian itu lebih berfaedah. Demikian juga ahli-ahli "majlis ulamanya" duduklah sahaja di dalam

(sambungan pada muka 46)